




## GARIS PANDUAN PERMOHONAN

### PROGRAM GRADUAN CEMERLANG 2019 *GRADUATE EXCELLENCE PROGRAMME (GrEP) 2019*

MARA menawarkan pinjaman pelajaran dalam bentuk pinjaman boleh ubah ke peringkat Pasca Siswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah) di Institusi Pengajian Tinggi terkemuka dalam dan luar negara kepada graduan cemerlang dalam bidang yang memberi impak yang besar kepada keperluan guna tenaga negara.

#### GRADUATE EXCELLENCE PROGRAMME (GrEP)



## 1.0 BIDANG PENGAJIAN

1.1 Dalam abad ke -21, inovasi sains dan teknologi telah menjadi keutamaan seiring dengan cabaran globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan. Selari dengan itu, bidang STEM menjadi keutamaan bagi menangani cabaran masa hadapan yang kompetitif dan mencabar bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga serantau dan global.

1.2 Bidang pengajian yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Bidang Pengajian	Kursus
Sarjana / Doktor Falsafah	1. Alam Bina	Senibina Part II, Rekabentuk Dalaman
	2. Multimedia	Animasi 3D, Rekabentuk Industri, <i>Computer-Generated Imaginary Technology (CGI)</i> , <i>Cinematografi</i>
	3. <i>Information &amp; Communication Technologies (ICT)</i>	<i>Autonomous Robots, Artificial Intelligence, Internet of Things (IoT), Simulation, Big Data Analytics, Cyber Security, System Integration, ,New Computing Technologies, Financial Data System, Cyber Military, Cloud Computing, Software Engineering, Web &amp; Application Development, Science Data</i>
	4. Aeroangkasa & Industri Rel	Aero Komposit, Rekabentuk Pesawat, Teknologi Satelit, Rel Teknologi, <i>Space Technologies</i>
	5. Kejuruteraan	Elektrikal, Mekatronik, Mekanikal, Kimia, Neuroteknologi, <i>Geoengineering/Environmental Engineering</i> , Telekomunikasi, Nuklear, <i>Advance Materials</i>
	6. Sains	Metereologi, Sains Persekitaran, Pengajian Sains Atmosfera, Pemuliharaan Alam Sekitar, Astronomi, Sains Komputer, <i>Geonomic Science</i> ,
	7. Sains Perubatan	Veterinar, Psikiatri, Farmasi, Radiografi, Bio-Perubatan, Biologi Gunaan, Bioteknologi, <i>Molecular Biology &amp; Genetic</i>
	8. Sains Sosial	Ekonomi,Perbankan/Kewangan Islam, Perakaunan, Kewangan, <i>Digital Banking, Forensic Accounting</i>

## 2.0 SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

### 2.1 Syarat Umum

2.1.1 Pemohon adalah berketurunan Melayu/Bumiputera dan warganegara Malaysia.

2.1.2 Had umur pemohon pada **31 Disember 2019**:

Peringkat Pengajian	Tempat Pengajian	Had Umur
Sarjana	Dalam Negara	Tidak melebihi 40 tahun
	Luar Negara	Tidak melebihi 35 tahun
Doktor Falsafah	Dalam Negara	Tidak melebihi 45 tahun
	Luar Negara	Tidak melebihi 40 tahun

2.1.3 Telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama/Sarjana dengan kejayaan akademik cemerlang seperti yang dinyatakan dalam para 2.2.1.

2.1.4 Pemohon yang sedang atau akan memulakan pengajian **sebelum atau pada 31 Disember 2019**.

2.1.5 Salah seorang ibu ATAU bapa berketurunan Melayu/Bumiputera dan warganegara Malaysia.

2.1.6 Pengajian Dalam Negara:

2.1.6.1 Mendapat tawaran pengajian daripada Institusi Pengajian Awam (Universiti Awam) dan Institusi Pendidikan MARA (IPMa).

2.1.7 Pengajian Luar Negara :

2.1.7.1 Mendapat tawaran tanpa syarat (*Unconditional Offer*) daripada Institusi Pengajian terkemuka luar negara daripada 10 Universiti Terbaik mengikut Negara DAN 30 Universiti Terbaik Dunia mengikut Bidang (*Top 10 Universities by Countries AND Top 30 World Ranking University by Subjects*) di bawah *QS World University Ranking 2019*.

**Nota:** Walaubagaimanapun pertimbangan kepada pemilihan universiti juga tertakluk kepada keperluan pendidikan dan keperluan industri.

2.1.8 Belum mempunyai kelayakan akademik bagi peringkat pengajian yang akan diikuti.

2.1.9 Tidak mendapat bantuan kewangan/tajaan daripada mana-mana agensi bagi pengajian di peringkat yang sama.

2.1.10 Mendapat pelepasan/penangguhan kontrak perkhidmatan atau bayaran balik pinjaman daripada badan penaja lain. Bagi calon yang sedang dalam perkhidmatan perlu mendapat kelulusan cuti belajar tanpa gaji atau pengesahan bertulis mengenai perletakan jawatan daripada majikan.

2.1.11 Pemohon/Ibu/Bapa/Penjaga tidak termasuk dalam Senarai Hitam (*blacklisted*) MARA atau dalam tindakan Undang-Undang MARA.

2.1.12 Tidak pernah ditamatkan bantuan oleh mana-mana penaja atas sebab tindakan disiplin, menyalahi undang-undang negara serta tidak pernah diberhentikan oleh mana-mana Institusi Pengajian atas masalah akademik/disiplin.

2.1.13 Warga kerja MARA dan subsidiari MARA tidak layak memohon pinjaman ini.

## 2.2 Syarat Akademik

### 2.2.1 Syarat kelayakan Akademik seperti berikut :

Peringkat Pengajian	Tempat Pengajian	Kelayakan Akademik
Sarjana	Dalam Negara	1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.50 atau yang setaraf dengannya bagi pengajian peringkat terdahulu
	Luar Negara	1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau yang setaraf dengannya; 2. Memperolehi IELTS 6.5
Doktor Falsafah (PhD)	Dalam Negara	1. Memiliki kelayakan Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.50 atau yang setaraf dengannya;
	Luar Negara	1. Memiliki kelayakan Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau yang setaraf dengannya; 2. Memperolehi IELTS 6.5

- 2.2.2 Pemohon yang tidak memenuhi syarat CGPA seperti yang dinyatakan layak dipertimbangkan, sekiranya memiliki pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

### 3.0 SYARAT PROGRAM

- 3.1 Kursus yang diikuti telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- 3.2 Permohonan terbuka untuk pengajian secara kerja kursus (*Course Work*) atau penyelidikan (*Research*) secara SEPENUH MASA termasuk *Mixed Mode* (Kerja Kursus dan *Dissertation*).
- 3.3 Hanya pemohon yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang yang dinyatakan dan Institusi Pengajian Tinggi yang disenaraikan sahaja akan dipertimbangkan.

### 4.0 TEMPOH PINJAMAN

- 4.1 Tempoh pinjaman bagi setiap peringkat pengajian adalah seperti berikut:

4.1.1 Sarjana : 1 - 2 tahun

4.1.2 Doktor Falsafah : 3 tahun

## 5.0 PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan perlu dibuat secara atas talian (*online*) dengan melayari laman *web* rasmi MARA <http://www.mara.gov.my> mulai 15 Februari sehingga 25 Februari 2019.
- 5.2 Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan adalah dianggap tidak berjaya dan keputusan adalah muktamad.

## 6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung seperti butiran di bawah:

Bahagian Penganjuran Pelajaran  
Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA  
21 Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2613 2103 / 35032 / 32067

Emel : [pascasiswazah@mara.gov.my](mailto:pascasiswazah@mara.gov.my)